

## **HUBUNGAN ANTARA TAHAP PENGUASAAN ASAS KOSA KATA ARAB DAN TATABAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR MADRASAH TAHFIZ SEKITAR MELAKA**

**Nuraznan Jaafar  
Mohd Zahimie Mohd Dzahid  
Noor Adawiyah Ahmad Radzi  
Akmarina Mohd Salwai  
Kolej Universiti Islam Melaka**

### **Abstrak**

Artikel ini menghuraikan kajian yang dijalankan berkaitan tahap penguasaan bahasa Arab. Antara aspek penting dalam menentukan tahap penguasaan bahasa Arab seseorang pelajar ialah aspek asas kosa kata Arab dan tatabahasa Arab. Kajian ini dijalankan kepada pelajar-pelajar madrasah tahfiz sekitar Melaka berdasarkan kepada keputusan peperiksaan bahasa Arab yang menunjukkan pencapaian yang sangat lemah bagi pelajar Program Tahfiz Bestari di KUIM. Terdapat tiga objektif utama dalam kajian ini iaitu mengetahui tahap penguasaan asas kosa kata Arab, mengetahui tahap penguasaan asas tatabahasa Arab dan mengenalpasti hubungan tahap penguasaan asas kosa kata Arab dan tahap penguasaan asas tatabahasa Arab. Kajian ini berbentuk kuantitatif dan menggunakan kaedah ujian bertulis dan soal selidik sebagai alat pengumpulan data. Seramai 270 orang pelajar dari 9 buah madrasah tahfiz sekitar Melaka dipilih secara rawak bertujuan sebagai sampel kajian. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Ujian Khi Kuasa Dua digunakan bagi melihat hubungan tahap penguasaan asas kosa kata Arab dan tahap penguasaan asas tatabahasa Arab. Hasil kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa min tahap penguasaan asas kosa kata Arab adalah pada tahap tinggi dengan nilai  $\min=15.29$  manakala tahap penguasaan asas tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz sekitar Melaka pula adalah pada tahap sederhana dengan nilai  $\min=12.53$ . Selain itu, Ujian Khi Kuasa Dua juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan (0.01) antara tahap penguasaan asas kosa kata Arab dan tatabahasa Arab bagi pelajar madrasah tahfiz sekitar Melaka. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar tahfiz mampu mempelajari bahasa Arab dengan baik di samping pengajian al-Quran yang menjadi manhaj pengajian harian mereka. Justeru itu, satu kaedah pembelajaran bahasa Arab berasaskan al-Quran perlu dikaji dengan mendalam supaya dapat memberi panduan kepada pelajar dalam memilih kaedah pembelajaran bahasa Arab yang sesuai dengan latar belakang seseorang pelajar tersebut.

**Kata Kunci:** Kosa Kata Arab, Tatabahasa Arab, Pembelajaran Arab, Penguasaan Arab

**THE RELATIONSHIP BETWEEN LEGAL CASES AND ARAB BASIS IN ACHIEVEMENT IN THE CIRCUIT TRAFFIC STUDENTS**

**Abstract**

*This article describes a study conducted on the level of Arabic proficiency. Among the important aspects of determining a student's level of Arabic proficiency are the basic aspects of Arabic vocabulary and Arabic grammar. This study was conducted to students of tahfiz madrasses around Malacca based on the results of the Arabic examination which showed very poor achievement for students of Tahfiz Bestari Program at KUIM. There are three main objectives of this study: knowing the basic level of Arabic vocabulary, knowing the basic level of Arabic grammar and identifying the relationship between the basic vocabulary of Arabic vocabulary and the basic level of Arabic grammar. This study is quantitative and uses written test methods and questionnaires as data collection tools. A total of 270 students from 9 tahfiz madrasahs around Malacca were randomly selected as the study sample. Data were analyzed descriptively and inference. The Two-tailed Khi test was used to examine the relationship between the basic level of Arabic vocabulary and the basic level of Arabic grammar. The results of the study show that the mean level of mastery of Arabic vocabulary is high with mean value = 15.29 while average level of Arabic grammar among students of tahfiz around Malacca is moderate with mean value = 12.53. In addition, the Second Query Test also showed a significant correlation (0.01) between the level of basic Arabic vocabulary and Arabic grammar for students of tahfiz madrasah around Melaka. This shows that tahfiz students are able to learn Arabic well in addition to the study of the Quran which is their daily study. Therefore, a method of learning Quranic Arabic language should be studied in depth to guide students in choosing the method of learning Arabic that is appropriate to their background.*

**Keywords:** *Arabic vocabulary, Arabic grammar, Arabic learning, Arabic mastery*

**PENDAHULUAN**

Pusat Islam As-Syafie KUIM yang diamanahkan oleh Kerajaan Negeri Melaka untuk mengelolakan Program Tahfiz Bestari SPM sejak tahun 2016 mendapati beberapa kelemahan dan kekurangan dalam penguasaan asas bahasa Arab para pelajar yang menyertai program tahfiz tersebut. Pelajar yang menyertai Program Tahfiz Bestari ini mempunyai latar belakang hafazan al-Quran kerana program ini diasaskan khas untuk pelajar tahfiz khususnya dari sekolah swasta supaya dapat menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) seterusnya dapat menyambung pengajian di aliran perdana.

Namun demikian, berdasarkan kepada keputusan sesi ujian temuduga, peperiksaan pertengahan tahun, peperiksaan percubaan dan peperiksaan sebenar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menunjukkan pencapaian pelajar dalam subjek bahasa Arab berada di tahap yang sangat lemah. Senario ini memberikan gambaran awal bahawa para pelajar yang menyertai Program Tahfiz Bestari ini seolah – olah tidak mempunyai asas bahasa Arab dan tidak pernah mempelajari subjek ini ketika di sekolah.

Bertitik tolak daripada senario di atas, suatu kajian perlu dijalankan untuk mengenal pasti tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar madrasah tahfiz. Kajian ini dijalankan kepada pelajar tahfiz sekitar negeri Melaka. Tahap penguasaan ini dikaji daripada dua aspek iaitu aspek penguasaan asas kosa kata Arab dan aspek tatabahasa bahasa Arab. Dua aspek ini merupakan asas kepada penguasaan bahasa Arab seseorang pelajar.

Menurut Abdul Razif (2016) kosa kata merupakan aspek asas yang penting dan perlu diberikan tumpuan dalam pembelajaran bahasa. Manakala Wan Rohani (2017) berpandangan penguasaan tatabahasa Arab mempengaruhi tahap penguasaan kemahiran bahasa Arab seseorang pelajar.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan di setiap madrasah tahfiz berdaftar dan tidak berdaftar sekitar Melaka. Antara persoalan kajian yang berkaitan ialah :

1. Bagaimanakah tahap penguasaan asas kosa kata Arab dalam kalangan para pelajar madrasah tahfiz sekitar Melaka?
2. Bagaimanakah tahap penguasaan asas tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar madrasah tahfiz sekitar Melaka?
3. Apakah hubungan tahap penguasaan asas kosa kata arab dan tatabahasa arab dalam kalangan pelajar madrasah tahfiz Melaka?

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini merujuk kepada tujuan penyelidikan ini dijalankan dan kemampuannya dalam menghasilkan satu kesimpulan yang positif terhadap subjek bahasa Arab dan pendidikan tahfiz sekitar Melaka. Justeru, objektif kajian ini ialah :

1. Mengetahui tahap penguasaan asas kosa kata Arab dalam kalangan pelajar madrasah tahfiz sekitar Melaka.
2. Mengetahui tahap penguasaan asas tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar madrasah tahfiz sekitar Melaka.
3. Mengenalpasti hubungan antara tahap penguasaan asas kosa kata Arab dan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar madrasah tahfiz sekitar Melaka.

## **SOROTAN LITERATUR**

### **PEMBELAJARAN KOSA KATA ARAB**

Kosa kata merupakan aset penting dalam mempelajari bahasa asing. Kemampuan berbahasa yang baik bergantung kepada keupayaan pelajar menguasai kosa kata yang baik. Makna tidak akan dapat diungkap melainkan melalui bahasa yang mengandungi kosa kata. Begitu juga percakapan dalam bahasa asing tidak akan dapat dicapai melainkan dengan adanya kosa kata yang mencukupi untuk menerangkan situasi.

Kajian dilakukan oleh Siti Sofiah (2013) yang dijalankan di Pondok Pesantren Tahaffudzul Quran Purwoyoso Ngaliyan Semarang, menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif antara penguasaan *mufradat* (kosa kata) dengan kemampuan menghafal al-Quran. Ini bermakna semakin tinggi penguasaan kosa kata pelajar, semakin tinggi pula kemampuan membaca al-Quran mereka, sebaliknya jika rendah penguasaan kosa kata pelajar, kemampuan pelajar membaca al-Quran juga rendah seterusnya membuktikan kepada kita bahawa penguasaan kosa kata bahasa Arab memberikan pengaruh positif terhadap pelajar yang menghafal al-Quran. Penguasaan asas bahasa Arab adalah merujuk kepada penguasaan pelajar terhadap kosa kata Arab seperti istilah-istilah Arab, penggunaan perkataan berulang, kekerapan soalan dan perkataan harian yang dipelajari di peringkat sekolah dan universiti. Penguasaan kosa kata yang

baik memberikan ruang yang luas kepada pelajar dalam menguasai tahap seterusnya dalam pembelajaran bahasa Arab iaitu Tatabahasa Arab. Oleh yang demikian, antara perkataan yang kerap digunakan di dalam kajian-kajian lepas untuk menunjukkan maksud sebenar asas bahasa Arab adalah Kosa Kata, Saiz Kosa Kata, Istilah Bahasa, Pembelajaran bahasa Arab dan Penguasaan bahasa Arab.

Abdul Razif bin Zaini (2016) menyatakan kosa kata merupakan aspek asas yang perlu diberikan tumpuan dalam pembelajaran bahasa. Namun, penguasaan pelajar terhadap aspek ini memberikan isyarat yang jelas bahawa pembelajaran kosa kata tidak mencapai matlamat disasarkan. Pengabaian terhadap aspek ini dilihat hadir dalam bentuk pembelajarannya secara implisit yang merupakan refleksi daripada kekurangan masa pembelajarannya dalam kelas.

Selain itu, antara kepentingan penguasaan kosa kata dalam pembelajaran bahasa ialah dapat menentukan tahap kefahaman seseorang terhadap sesuatu teks (Che Radiah & Norhayuza, 2011; al-Syarbufiy, 2007; Fran Lehr et al, 2004). Tahap kefahaman pelajar merupakan salah satu kayu ukur penguasaan bahasa seseorang pelajar.

Berhubungkait dengan itu, Abdul Razif (2017). menyatakan pengetahuan terhadap kuantiti kosa kata yang dikuasai oleh pelajar juga adalah satu pendekatan terbaru dalam aspek penguasaan kosa kata Arab. Pengukuran saiz kosa kata reseptif pelajar menentukan tahap kecekapan lisan mereka serta menilai hubungan antara kedua-duanya. Menurut beliau, majoriti responden memiliki saiz kosa kata di bawah paras minimum. Tahap kecekapan lisan mereka pula berada pada tahap sederhana dan korelasi antara kedua-duanya menunjukkan nilai koefisien 0.592. Hubungan signifikan yang wujud antara saiz kosa kata dan kemahiran bertutur pelajar menjelaskan tahap kecekapan bertutur pelajar meningkat dengan peningkatan saiz kosa kata. Hal ini dapat difahami bahawa peningkatan tahap penguasaan pelajar dalam kemahiran berbahasa Arab mempunyai hubungan yang signifikan dengan penguasaan kosa kata Arab yang mereka ketahui.

Secara logiknya, pelajar yang menghafal al-Quran mampu menguasai kosa kata bahasa Arab dengan sangat baik kerana pendekatan hafazan al-Quran yang digunakan pelajar dalam menghafal al-Quran juga boleh digunakan dalam menghafaz kosa kata bahasa Arab dan ini merupakan kekuatan unik yang ada pada pelajar tahfiz ( Mohd Zulkifli et al, 2015). Selain itu, penghafaz al-Quran secara tidak langsung mempunyai jumlah kosa kata yang banyak melalui hafazan mereka terhadap ayat-ayat suci al-Quran. Persoalannya, adakah mereka sedar kelebihan yang mereka miliki untuk digunakan dalam pembelajaran bahasa Arab merupakan persoalan yang sukar dijawab.

## **PEMBELAJARAN TATABAHASA ARAB**

Kepentingan tatabahasa dalam mempelajari bahasa Arab secara umumnya telah ditekankan oleh ilmuwan silam dan moden (al-Ahwani, 1983; Ahmed, 2008; Zaidan, 2011). Hal ini kerana tatabahasa merupakan satu cabang ilmu bahasa Arab yang sangat penting kerana tujuan mempelajari tatabahasa Arab adalah untuk memperbetulkan lidah daripada berlaku kesalahan dalam percakapan dan pembacaan serta memperbetulkan penulisan. Untuk mengelak daripada melakukan kesilapan dalam penggunaan bahasa Arab maka perlu mengambil berat terhadap tatabahasa Arab kerana tujuan kemunculan ilmu tatabahasa Arab adalah untuk memperbetulkan bahasa.

Selain itu, tidak dinafikan peranan tatabahasa Arab ini dalam ilmu agama seperti fiqh, hadis, mutholaah dan ilmu-ilmu agama yang lain adalah penting dan amat diperlukan. Hal ini terbukti apabila ianya telah dibahasakan dengan lebih mendalam oleh Kamarul Shukri Mat Teh (2012) dalam kajiannya. Dalam huraian beliau menjelaskan bahawa penguasaan terhadap tatabahasa Arab merupakan antara syarat penting bagi melayakkan seseorang individu mengeluarkan pandangan (berijtihad) berkaitan masalah fiqh. Menurut majoriti ahli bidang tatabahasa Arab silam dan kontemporari, perkataan dan ayat dalam al-Quran tidak bercanggah dengan hukum tatabahasa Arab. Oleh itu, majoriti ulama menjadikan al-Quran sebagai sumber hujah yang utama dalam menyelesaikan perbezaan pandangan mereka tentang tatabahasa Arab. Hal ini menjelaskan fungsi tatabahasa Arab dalam pemahaman ayat al-Quran serta pembinaan hukum-hukum fiqh daripada ayat al-Quran. Malah perbezaan pandangan dalam kalangan ulama mazhab-mazhab fiqh, antara lain berpunca daripada pemahaman mereka terhadap makna ayat al-Quran berasaskan aspek tatabahasa Arab. Hal ini menunjukkan bahawa fungsi tatabahasa Arab amat penting dalam proses pengeluaran hukum fiqh.

Dalam pada itu, kepentingan nahu dalam mempelajari hafazan turut dibincangkan oleh ulama silam. Sarjana terawal menyatakan kepentingan ini ialah al-Qabisi (935-1012M) (al-Ahwani, 1983). Al-Qabisi sangat menekankan kepentingan mempelajari nahu dalam kalangan pelajar tahfiz untuk mendapatkan kefahaman sebenar dan memudahkan hafazan (al-Ahwani, 1983). Sementara itu (Wan Rohani, 2017) menyatakan bahawa pengamal al-Quran dan al-Hadith sangat memerlukan kefahaman yang mendalam terhadap tatabahasa Arab agar dapat memahami kandungan syari'at yang terkandung dalam dua sumber asal yang ditulis dalam bahasa Arab. Beliau berpandangan aspek yang perlu dititikberatkan dalam pembelajaran bahasa Arab ialah tatabahasa kerana penguasaan tatabahasa Arab merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi penguasaan kemahiran bahasa Arab. Tatabahasa Arab memainkan peranan penting dalam menentukan maksud sesuatu ayat. Ini berlaku apabila baris hujung perkataan berubah menyebabkan berubah *i'rab* seterusnya makna atau maksud ayat akan berubah. Untuk menentukan sesuatu *i'rab* perkataan dalam ayat bergantung kepada ilmu tatabahasa Arab. Oleh itu, tatabahasa Arab perlu mendapat perhatian daripada pihak berkaitan khususnya pelajar yang mendalami al-Quran. Ini selaras dengan pendapat al-Suyuti yang menukilkan bahawa pengkaji al-Quran dan pencari rahsia kitab ini hendaklah melihat kepada kalimah dan pembentukannya, kedudukannya, keadaannya sebagai subjek atau prediket atau pelaku atau objek (al-Jaburi, 2010). Namun yang menyedihkan dapatan kajian Abdul Hafiz (2005) menyatakan bahawa majoriti pelajar tahfiz tidak setuju jika faktor kurang mahir dalam nahu dan sorf bahasa Arab menjadi punca mereka sukar menghafal al-Quran. Perkara ini menimbulkan keraguan terhadap kualiti hafazan al-Quran pelajar tahfiz di Malaysia kerana bertentangan dengan pandangan ulama silam yang mewajibkan guru al-Quran mengajarkan *i'rab* bagi para pelajar al-Quran kerana nahu merupakan salah satu di antara nilai-nilai penguat kepada pembelajaran al-Quran (al-Ahwani, 1983).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kajian kuantitatif, maka kaedah pengumpulan data adalah dengan menggunakan reka bentuk tinjauan. Dalam kajian berbentuk tinjauan, teknik pengumpulan data adalah dengan menggunakan ujian bertulis sebagai instrumen yang diedarkan kepada sampel kajian.

Lokasi kajian adalah di sembilan buah Madrasah Tahfiz Swasta yang terletak sekitar negeri Melaka. Sekolah-sekolah ini mewakili tiga buah daerah yang terdapat dalam negeri Melaka dan dipilih secara rawak mengikut kepada kategori yang dikehendaki di dalam kajian iaitu tiga buah sekolah di daerah Alor Gajah, tiga buah sekolah di daerah Jasin dan tiga buah sekolah di daerah Melaka Tengah. Seterusnya sampel kajian terdiri daripada 270 orang pelajar daripada 591 orang pelajar madrasah tahfiz yang mewakili sembilan buah madrasah terpilih sekitar negeri Melaka mengikut tiga kategori yang telah ditetapkan. Teknik persampelan yang digunakan adalah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) di mana sampel terdiri daripada sampel yang khusus dan spesifik serta bertepatan dengan objektif kajian yang dibina.

Dalam bahagian analisis data, penyelidik menyusun data demografi responden dalam bentuk jadual yang kemudiannya kekerapan bagi setiap item dikira serta data seterusnya ditulis semula dalam bentuk jadual kekerapan dan peratusan. Bagi analisis tahap pula penyelidik juga menggunakan analisis pecahan tahap skor oleh responden. Tahap tersebut diinterpretasikan sendiri kepada 3 tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi oleh penyelidik memandangkan kajian yang dilakukan tidak menggunakan skala likert. Tahap tersebut diinterpretasikan kepada 3 tahap berdasarkan jumlah keseluruhan markah ujian responden. Tahap-tahap tersebut adalah seperti dijadual tersebut:

**Jadual 1: Analisis Tahap Kefahaman Kosa Kata & Tatabahasa Arab**

BIL	TAHAP	SKOR
1	Rendah	0-6
2	Sederhana	7-13
3	Tinggi	14-20

**Jadual 2: Pemarkahan Tahap-tahap Kefahaman**

TAHAP	KOSA KATA DAN TATABAHASA ARAB
RENDAH	Pada tahap ini responden tidak mempunyai kebolehan langsung untuk memahami berkaitan dengan bahasa arab.
SEDERHANA	Pada tahap ini responden memahami sedikit sebanyak berkaitan dengan bahasa arab. Faham sedikit sebanyak apa yang dibaca.
TINGGI	Pada tahap ini responden dapat memahami dengan baik segala istilah dalam bahasa arab.

**Jadual 3 : Format Item Maklumat Demografi**

Maklumat Demografi	Bentuk Item	Penyataan
Jantina	Pilihan jawapan	Lelaki Perempuan
Umur		13-15 16-19 20 tahun ke atas

Tingkatan	Tingkatan 4 Tingkatan 5
Jumlah hafazan	Bawah 15 Juzu' Bawah 30 Juzu'

**Jadual 4: Item Kosa Kata**

	<b>Jenis Soalan</b>	<b>Bilangan Item</b>
<b>BAHAGIAN B</b>	Kosa Kata Arab	20 soalan
<b>BAHAGIAN C</b>	Tatabahasa Arab	20 soalan

Seterusnya, proses kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian telah dilakukan melalui dua kaedah iaitu semakan tenaga pakar dan kajian rintis. Instrumen kajian berupa soalan ujian bertulis untuk menguji tahap kefahaman pelajar telah dinilai oleh pakar bahasa Arab dari Fakulti Bahasa & Pengajian Umum, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Setelah mendapat kesahan penilaian daripada tenaga pakar, kajian rintis dijalankan terhadap 30 orang responden yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi sebenar bagi tujuan mendapatkan kesahan instrumen kajian. Kajian rintis ini telah dijalankan di Madrasah Tahfiz Bustanul Ulum Abu Bakar, Jasin Melaka.

#### **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

Berikut adalah analisis dan perbincangan yang dinyatakan mengikut objektif kajian :

**a) Analisis Min Tahap Penguasaan Asas Kosa Kata Arab dalam Kalangan Pelajar Madrasah Tahfiz Sekitar Melaka.**

Jadual di bawah dinyatakan bagi menjawab objektif kajian yang pertama iaitu mengenalpasti tahap penguasaan asas kosa kata Arab dalam kalangan pelajar madrasah tahfiz.

**Jadual 5: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Tahap Penguasaan Asas Kosa Kata Arab Dalam Kalangan Pelajar Madrasah Tahfiz Sekitar Melaka (N=270)**

ITEM	Min	Sisihan piawai	Tahap
Kosa Kata	15.29	3.947	Tinggi

Berdasarkan jadual 5 di atas, didapati keputusan analisis min bagi item tahap penguasaan asas kosa kata Arab iaitu min=15.29, sp (3.947). Dapatan tersebut menunjukkan bahawa tahap penguasaan asas kosa kata Arab dalam kalangan pelajar Madrasah Tahfiz berada pada tahap tinggi.

**b) Analisis Tahap Min dan Sisihan Piawai Tahap Penguasaan Asas Tatabahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Madrasah Tahfiz Sekitar Melaka (N=270)**

Jadual di bawah dinyatakan bagi menjawab objektif kajian yang kedua iaitu mengenalpasti tahap penguasaan asas tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar Madrasah Tahfiz .

**Jadual 6: Analisis Tahap Penguasaan Asas Tatabahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Madrasah Tahfiz Sekitar Melaka (N=270)**

ITEM	Min	Sisihan piawai	Tahap
Tatabahasa	12.53	6.321	Sederhana

Berdasarkan jadual 6 di atas, didapati keputusan analisis min bagi item tahap penguasaan tatabahasa Arab iaitu min=12.53, sp (6.321). Dapatan tersebut menunjukkan bahawa tahap penguasaan asas tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar Madrasah Tahfiz berada pada tahap sederhana.

**c) Mengenalpasti Hubungan Antara Tahap Penguasaan Asas Kosa Kata Arab Dan Tatabahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Madrasah Tahfiz Sekitar Melaka.**

Bagi menjawab objektif ketiga iaitu mengenalpasti hubungan antara tahap penguasaan asas kosa kata Arab dan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar madrasah tahfiz sekitar Melaka, penyelidik menggunakan Ujian Chi Kuasa Dua pada tahap alpha 0.05 untuk menganalisis hubungan antara dua aspek tersebut. Hal ini kerana data yang diperolehi adalah tidak normal.

**Jadual 7 :Keputusan Analisis Ujian Khi Kuasa Dua (N=270)**

Tahap asas kosa kata Arab dan tatabahasa Arab	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
Rendah	06	00	00	06
Sederhana	45	32	09	86
Tinggi	17	34	127	178
Jumlah	68 org	68 org	136 org	270 org
		$X^2 = 110.80$	$dk = 4$	$k = 0.01$

Berdasarkan jadual 7 di atas, data menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penguasaan asas kosa kata Arab dan tatabahasa Arab. Keputusan menunjukkan tahap penguasaan asas kosa kata Arab mempunyai hubungan dengan tahap penguasaan asas tatabahasa Arab secara signifikan  $X^2 (4, N=270) = 110.80, k = 0.01$ .

**Perbincangan Tahap Penguasaan Asas Kosa Kata Arab Dan Tahap Penguasaan Asas Tatabahasa Arab.**

Berdasarkan kepada dapatan kajian yang telah dibuat, beberapa kesimpulan dapat dikenalpasti, antaranya ialah :

1. Tahap penguasaan asas kosa kata Arab bagi pelajar madrasah tahfiz sekitar Melaka berada pada tahap tinggi.
2. Tahap penguasaan asas tatabahasa Arab bagi pelajar madrasah tahfiz sekitar Melaka pula pada tahap sederhana.
3. Dapatan kajian juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penguasaan asas kosa kata arab dan tatabahasa Arab bagi pelajar madrasah tahfiz sekitar Melaka.



## **KESIMPULAN**

Bahasa Arab adalah sebuah ilmu yang semakin meluas penggunaannya di masa kini. Fenomena ilmu bahasa Arab ini juga berlaku di Malaysia. Pelajar-pelajar agama khususnya adalah golongan majoriti yang diberikan pendedahan dalam menguasai ilmu bahasa Arab. Golongan tahfiz adalah sebahagian daripada pelajar agama di Malaysia. Kebanyakan pelajar tahfiz di Malaysia ini hanya menumpukan pengajian hafazan al-Quran sahaja semata-mata tanpa mewujudkan inisiatif terkini dalam melonjakkan bakat keilmuan dan keserjanaan para pelajar ke arah yang lebih pelbagai seiring dengan keperluan semasa era kini yang amat menitikberatkan masyarakat yang berilmu dan mampu berdaya saing. Hanya sebahagian madrasah sahaja yang telah pun sedar akan perubahan masa yang berlaku dan telah melakukan perubahan dengan mengetengahkan ilmu sains di samping ilmu hafazan al-Quran bahkan mewujudkan sistem pembelajaran formal yang berteraskan kepada 3 aliran iaitu akademik, agama dan al-Quran. Penguasaan asas kosa kata Arab dan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz adalah antara aspek penting untuk pelajar memahami al-Quran bahkan penguasaan kosa kata Arab yang tinggi akan mempengaruhi ketinggian tahap kemampuan hafazan al-Quran mereka. Penekanan dalam aspek tatabahasa Arab juga mampu mendapatkan kefahaman sebenar al-Quran dan memudahkan hafazan. Tidak dinafikan bahawa kedua-dua aspek ini mempunyai hubungan yang kuat dalam memberikan lebih kefahaman al-Quran kepada pelajar tahfiz lebih-lebih lagi bakat keilmuan mereka akan lebih bernilai dan pelbagai sekiranya mampu menguasai asas-asas bahasa Arab dengan baik. Justeru, perubahan semasa perlu dilakukan oleh setiap madrasah tahfiz di Melaka khususnya supaya tidak ketinggalan dalam arus kelancaran dunia pembelajaran yang semakin laju abad ini. Sekiranya perubahan dan penambahbaikan tidak dibuat, nescaya golongan huffaz al-Quran yang hanya mahir dalam bidang hafazan al-Quran semakin ketinggalan daripada golongan huffaz al-Quran yang berkemahiran dalam pelbagai bidang pengajian. Lantaran itu, penguasaan dalam ilmu bahasa Arab adalah salah satu aspek penting masa kini terhadap pelajar-pelajar tahfiz. Bahkan ironinya, ia menjadi satu perkara yang mudah dan signifikan kerana bahasa Arab itu sendiri adalah sinonim dan sebahagian daripada al-Quran. Sepatutnya ia menjadi lebih mudah kepada pelajar tahfiz untuk lebih menguasainya daripada pelajar agama. Semoga penguasaan ilmu bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz semakin bertambah dari semasa ke semasa.

## **BIBLIOGRAFI**

- Abdul Hafiz, A., Hussin, S., Azmi Shah, S., Sulaiman Shakib, M. N., Kamarul Azmi, J., & Abdul Basit, S. (2005). Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan Al-Quran yang Efektif: Satu Kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Razif Zaini, Khirulnizam Abd Rahman, Muhammad Haron Husaini, Khairil Ashraf Elias, Saifulah Samsudin & Mohd Zaki Abd Rahman (2016). Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Berbantuan Aplikasi. *Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2016*. 1845- 1859.
- Abdul Razif Bin Zaini & Mohd.Zaki Bin Abd.Rahman (2017). Saiz Kosa Kata Bahasa Arab Dan Hubungannya Dengan Kemahiran Bertutur. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Vol 4 Bil 1. 220-228.
- Ahmad Kilani Mohamed, Azhar Muhammad & Kamarul Azmi Jasmi (2003). Permasalahan Pengajaran Nahu Bahasa Arab Kepada Pelajar Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam) UTM. *Prosiding Fourth International Seminar on LSP in Practise: Responding to Challenges*, pp. 1-12.
- Al-Ahwani, A.Fuad. (1983). *Al- Tarbiyyah fi al-Islam*. Cairo: Dar al- Maarif
- Al-Syarbufiy, 'Isa 'Audat 'Athiyyat. (2007). *Qawa'im al-Mufradat al-Syai'at wa Ta'lim al-Lughat*. Dipetik dari [www.faculty.ksu.edu.sa/3046/research](http://www.faculty.ksu.edu.sa/3046/research) (09/05/2014).
- Che Radiah, M., & Norhayuza, M. (2011). *Pengajaran Dan Pembelajaran Kosa Kata Arab; Teori & Aplikasi*. Serdang: Penerbit UPM.
- Fran Lehr et al, (2004). *A Focus on Vocabulary*. Hawai'i :Pacific Resources for Education and Learning.
- Harun Baharudin & Zawawi Ismail (2016). Aspek Saiz Dalam Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-10 (WPI10)*.
- Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) Bahagian Pendidikan. *Pembentangan Mengenai Pelaksanaan DPTN Di Melaka*.
- Kamarul Shukri Mohd Teh (2012). *Tatabahasa Arab Dan Pembinaan Hukum Daripada Al-Quran*. Penerbit Universiti Malaya. ISBN : 9831002555.
- Ku Fatahiyah Ku Azizan, Awatif Abd Rahman & Hairun Najuwah Jamali. (2014). Tahap Kemahiran Asas Bahasa Arab di IPT Malaysia. *GSE E-Journal of Education*, Vol. 1(2), 20-32.
- Mohd Zulkifli bin Muda (2015). *Kaedah Penguasaan Mufradat Bahasa Arab Melalui Ayat Lazim Berasaskan Hafazan Al-Quran*. Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.
- Siti Sofiah. (2013). Studi Korelasi Antara Penguasaan Mufradat dengan Kemampuan Membaca Al-Quran di Pondok Pesantren Tahaffudzul Qur'an Purwoyoso Ngaliyan Semarang. *Tesis Sarjana. Jurusan Pendidikan Agama Islam, Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Kependidikan IAIN Walisongo Semarang*.
- Wan Rohani Wan Mokhtar, Mohd Zaki Abd Rahman, Mohamad Azrien Mohamed Adnan & Nor Hazrul Mohd Salleh (2017). Penguasaan Tatabahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia. *Albasirah Journal*. Vol 7(2).23-41.